

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005

Mac 2005

HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan dari setiap Bahagian A dan B.

Bahagian A

1. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan السنة غير التشريعية (sunnah yang tidak bersifat perundangan) serta nyatakan bahagian dan contohnya?
[35 markah]
- [b] Di antara perkara yang membatalkan keislaman seseorang ialah: "Berkeyakinan bahawa sebahagian manusia dibolehkan untuk tidak mengikut syariat Nabi Muhammad s.a.w.". Huraikan kenyataan tersebut serta berikan tiga contohnya yang berkaitan dengan amalan golongan kerohanian yang sesat.
[30 markah]
- [c] Berikan DUA contoh mukjizat sains dalam al-Quran yang anda ketahui.
[20 markah]
- [d] Huraikan istilah-istilah berikut:
[i] *Sabab Wurud al-Hadith.*
[ii] *Surah Makkiyyah.*
[iii] *Ilmu Mukhtalaf al-Hadith.*
[15 markah]
2. Aqidah adalah tonggak kehidupan seorang muslim. Justeru itu aqidah wajib dipelihara kesahihannya.
- [a] Huraikan perkara berikut:
[i] Tauhid al-Rububiyah.
[ii] Tauhid al-Uluhiyyah.
[iii] Tauhid al-Asma wa al-Sifat.
[30 markah]
- [b] Huraikan EMPAT kesan aqidah yang sahih terhadap ibadah atau amalan soleh seorang muslim.
[40 markah]

- [c] “Memperolok-olokkan sesuatu dari ajaran Rasulullah s.a.w ataupun memperolok-olokkan pahala maupun seksaan yang telah menjadi ketetapan agama”. Berdasarkan kenyataan ini:
- [i] Huraikan bentuk-bentuk persendaan yang memberi kesan terhadap akidah. [20 markah]
 - [ii] Nyatakan perbezaan antara mempersendakan agama dengan mempersendakan tokoh agama. [10 markah]
3. Al-Quran dan al-Sunnah adalah sumber tertinggi dalam ajaran Islam. Keduaduanya ada disiplin-disiplin tertentu dalam memahaminya.
- [a] Berikan takrif al-Sunnah serta huraiannya. [30 markah]
 - [b] Jelaskan langkah-langkah utama dalam berinteraksi dengan sesebuah hadith. [30 markah]
 - [c] Huraikan pembahagian *Israiliyyat* serta pendirian ilmiah terhadapnya. [30 markah]
 - [d] Huraikan maksud istilah-istilah berikut:
 - [i] *Sabab Nuzul al-Quran*.
 - [ii] *Sanad*.[10 markah]

Bahagian B

4. Syariah Islamiyyah mestilah menjadi pegangan setiap manusia yang mengaku dirinya beriman kepada Allah SWT.
- [a] Huraikan definisi syariah Islamiyyah dari segi bahasa dan istilah. [20 markah]
 - [b] Apakah perbezaan antara maksud syariah Islamiyyah dalam pengertiannya yang umum dan khusus. [20 markah]

- [c] Nyatakan hubungan antara makna syariah Islamiyyah dari segi istilah dengan maknanya dari segi bahasa. [20 markah]
- [d] Huraikan dua keistimewaan syariah Islamiyyah berbanding syariat-syariat yang lain. [40 markah]
5. Allah SWT berfirman yang bermaksud "... sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku dan hidupku dan matiku (semuanya) kerana Allah, Tuhan sekalian alam" (al-An'am:162). Berdasarkan ayat di atas:
- [a] Nyatakan konsep ibadah menurut syariat Islam. [20 markah]
- [b] Huraikan ciri-ciri keistimewaan ibadah dalam Islam berbanding agama lain. [40 markah]
- [c] Nyatakan konsep *rukhsah* dalam ibadah dan dua contohnya. [20 markah]
- [d] Nyatakan syarat-syarat menjadikan aktiviti perniagaan sebagai ibadah dalam Islam. [20 markah]
6. Akhlak yang baik terhasil daripada pegangan aqidah yang sahih dan penghayatan syariah yang komited. Berdasarkan pernyataan di atas:
- [a] Bincangkan konsep akhlak dalam Islam serta bezanya dengan konsep moral dan etika dalam pengertian konvensional. [40 markah]
- [b] Huraikan tiga dimensi akhlak dalam Islam berdasarkan maksud ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang berkaitan. [30 markah]
- [c] Huraikan dua bentuk penghayatan akhlak Islam dalam alam rumahtangga. [30 markah]